

#BAHASAKANKITA

Siswa jiwa bangsa



BERJIWA MELAYU: Encik Muhammad Fahmi Hazmi terlibat dalam beberapa pementasan teater sejak menuntut di Maktab Rendah Tampines. Beliau juga meminati tarian dan puisi. – Foto PENTAS BUDAYA NUS

► **SITI NUR 'ALIAH GHAZALI**
sghazali@sph.com.sg

JIWA Melayu hadir dalam diri Encik Muhammad Fahmi Hazmi, 23 tahun.

Siswa tahun kedua Universiti Nasional Singapura (NUS) itu bukan sahaja mengejar ijazah sarjana muda bidang pengajian Melayu sekarang.

Malah, beliau sudah lama terlibat dalam pelbagai seni dan luahan budaya Melayu seperti teater, tarian tradisional dan kepenyairan.

“Saya bangga menjadi anak Melayu. Orang Melayu begitu kaya daripada segi bahasa dan budaya.

“Pada saya, terdapat pelbagai aspek bahasa dan budaya Melayu yang biasanya terlepas pandang.

“Tiada cara lain yang lebih baik bagi menghargainya selain melestarikan dan menggunakannya dalam kehidupan harian,” ujar anak ketiga dalam keluarga lima beradik itu.

Pemuda itu mula berjinak-jinak dalam seni Melayu pada 2011 ketika menuntut di Maktab Rendah Tampines (TPJC).

Minatnya terhadap seni dan budaya semakin bersemarak apabila menjadi ahli Persatuan Budaya Melayu (Perbayu) TPJC.

Mulanya dengan drama dan teater, Encik Muhammad Fahmi berkata itulah bahagian seni dan budaya Melayu yang paling diminati.

“Bagi saya, teater itu amatlah penting. Seni tersebut wadah menarik membincangkan isu yang ada kalanya dianggap tabu dan sering tidak dibualkan. Ini seakan menggunakan wadah seni sebagai cara

mencapai matlamat bersifat intelektual,” ujarnya.

Encik Muhammad Fahmi juga pernah bergelar pengarah dan penulis skrip pementasan *Pentas Budaya 2016*. Pentas Budaya antara acara teras Persatuan Bahasa Melayu Universiti Nasional Singapura (PBMUKS).

Pementasan bertajuk *Abadi* itu berkisar isu perkahwinan dan perceraian.

Pemuda yang bercita-cita menjadi kurator muzium Taman Warisan Melayu itu berkata:

“Saya juga meminati seni tarian tradisional dan puisi. Pengalaman saya bersama kumpulan tarian Melayu NUS, Ilsa Tari, telah mengembangkan minat saya dalam tarian Melayu.

“Saya telah mengikuti pelbagai acara seperti pementasan *Temasek Berbisik* anjuran NUS Ilsa Tari dan *Rentak Budaya 2017* anjuran Persatuan Bahasa dan Budaya Melayu Universiti Teknologi Nanyang (Perbayu NTU). Selain itu, saya pemenang tempat ketiga acara *Pesta Pantun 2015*,” katanya.

Berkecenderungan cara membahagikan masa antara sekolah dengan kegiatan lain, beliau berkata:

“Saya harus bijak membahagikan masa dan mengutamakan mana yang lebih penting pada sesuatu waktu itu. Ketika menjalani Perkhidmatan Negara pun saya menyertai beberapa acara.

“Pada waktu itu, keadaan lebih sukar buat saya, namun pengalaman mengajar saya agar menjadi lebih berdisiplin.”

Mengenai sekitaran bahasa dan

budaya Melayu di Singapura, pemuda itu berpendapat ada perkembangannya. Malah, kini semakin banyak peluang bagi anak Melayu menyertai usaha sedemikian.

“Ada orang fikir, apabila terlibat dalam bidang seni, penggiat itu tidak boleh maju. Kita harus keluar daripada takut pemikiran begitu. Kita tidak harus berfikir bahawa seni dan kejayaan tidak boleh datang serentak.

“Masyarakat tidak harus mempunyai pemikiran bahawa seseorang yang meminati bidang seni tidak mampu berjaya,” ujarnya.

“Ada orang fikir, apabila terlibat dalam bidang seni, penggiat itu tidak boleh maju. Kita harus keluar daripada takut pemikiran begitu. Kita tidak harus berfikir bahawa seni dan kejayaan tidak boleh datang serentak. Masyarakat tidak harus mempunyai pemikiran bahawa seseorang yang meminati bidang seni tidak mampu berjaya,”

– Siswa pengajian Melayu NUS, Encik Muhammad Fahmi Hazmi, 23 tahun.
